RINGGIT

EDISI MEI 2016

RAKAN KEWANGAN ANDA



Panduan Lengkap Mengenai Kad Kredit Di Malaysia



Tip Pengurangan Premium Insurans / Sumbangan Takaful Kereta Anda



Hak Pembeli Melalui Jualan Kredit

Bijak Berbelanja Menjelang Musim Perayaan

ISSN 2180-3684

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Bijak Berbelanja Menjelang Musim Perayaan



"Cuba mengelak daripada membeli pada saat-saat akhir kerana anda akan terbeban dengan kos dan jumlah yang agak besar.

Setiap kali tiba musim perayaan, ramai yang merungut dan runsing kerana tidak dapat mengawal perbelanjaan. Biasanya ramai yang terpaksa menangguhkan bayaran ansuran bulanan, seperti ansuran kereta, kad kredit dan bayaran pinjaman rumah. Lebih merunsingkan lagi, ada yang sanggup membuat pinjaman daripada 'Ah long' untuk memenuhi kelengkapan rumah dan membuat persediaan untuk menyambut hari perayaan. Perkara seperti ini tidak akan berlaku sekiranya anda membuat persediaan lebih awal.

Berikut adalah tip untuk pekerja muda mengawal perbelanjaan pada musim perayaan:

Di bazar Ramadan

- Peruntukkan bajet yang sama semasa berbelanja di bazar Ramadan. Sebagai contoh, setiap hari anda berbelanja sebanyak RM20 untuk membeli sarapan dan makanan tengah hari. Oleh itu, anda juga perlu peruntukkan sebanyak RM20 atau kurang apabila membeli juadah di bazar Ramadan.
- Anda boleh juga mendisiplinkan diri dengan hanya berbelanja RM10 hingga RM15 apabila berkunjung di bazar Ramadan.
- Sebaik-baiknya, sediakan sendiri makanan berbuka puasa kerana ia lebih menyihatkan dan menjimatkan belanja harian.

Baju raya, peralatan dan perabot



- Anda boleh menambah aksesori seperti labuci / manik pada baju Melayu atau baju kurung raya tahun-tahun lepas supaya ia kelihatan seperti baharu dan menarik.
- Ubah susunan perabot ruang tamu anda atau menambah aksesori, seperti bunga, gambar hiasan dan mengguna semula barangan yang sedia ada.

- Lap dan cuci semua peralatan perabot rumah atau cat semula di ruangan yang tertentu untuk kelihatan seperti suasana baharu.

Biskut raya

- Menyediakan sendiri juadah dan biskut raya tentu menyeronokkan. Anda tidak perlu menghabiskan wang untuk membeli biskut raya. Anda boleh berkongsi atau bertukar-tukar dalam menyediakan biskut raya bersama-sama rakan anda.
- Kadangkala peniaga menawarkan jualan lelong biskut raya pada hari terakhir bulan Ramadan. Jika anda berpeluang, ambil peluang dengan sebaiknya.

Duit raya



- Pemberian duit raya adalah satu tradisi, dan pada masa yang sama dijadikan amalan sedekah kepada kanak-kanak. Anda boleh menyediakan bajet duit raya dengan menyimpan sebahagian daripada pendapatan bulanan anda dalam tempoh 6 bulan lebih awal.

Menyelenggara kereta

- Kenderaan anda perlu diselenggara untuk memastikan anda selamat pulang ke kampung halaman. Selenggarakan kereta anda sebulan atau dua bulan lebih awal. Ini bagi memastikan agar kenderaan anda tidak mengalami kerosakan dan kejadian yang tidak diingini pada musim perayaan.

Juadah raya atau rumah terbuka



- Semasa menyediakan juadah raya atau rumah terbuka, anda perlulah bijak merancang dan membuat anggaran jumlah tetamu yang bakal berkunjung ke rumah. Rancang menu utama dan menu-menu sampingan seperti pencuci mulut dan sebagainya. Hal ini dapat mengelak berlakunya pembaziran makanan.
- Sebagai tetamu pula, ambil makanan secara berhemah kerana anda mungkin akan pergi ke beberapa rumah terbuka lagi selepas itu.

Kesimpulannya, anda perlu bijak merancang perbelanjaan pada musim perayaan. Cuba mengelak daripada membeli pada saat-saat akhir kerana anda akan terbeban dengan kos dan jumlah yang agak besar. Sediakan pelan yang bersesuaian untuk diri anda dan keluarga supaya sambutan perayaan tahun ini dapat diraikan dengan hati yang gembira dan ceria.

Sumber: FOMCA

Sidang Redaksi

Penasihat
YBhg. Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Mandeep Singh
Shabana Naseer Ahmad

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاى (ملیسیا) سندرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

Panduan Lengkap Mengenai Kad Kredit Di Malaysia
(Bahagian 1)



Kad kredit menawarkan kaedah yang mudah untuk membeli pakaian, kasut, tiket penerbangan dan banyak lagi. Tetapi, anda harus sentiasa ingat bahawa sebarang pembelian yang dilakukan melalui kad kredit dilakukan 'secara kredit / hutang'. Ini bermaksud, pihak bank telah mendahulukan pembayaran tersebut dan anda perlu membayar pihak bank semula. Ini juga bermaksud, sekiranya anda tidak mampu untuk membayar pada tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak bank, hutang anda akan tertunggak.

Namun, sekiranya digunakan dengan betul, kad kredit menawarkan pelbagai kelebihan, termasuk rebat dan juga mata ganjaran. Berikut adalah panduan lengkap untuk kad kredit di Malaysia. Panduan ini juga akan membantu anda untuk memilih kad kredit yang sesuai.

Bagaimana kad kredit berfungsi?

Secara asasnya, sebarang pembelian yang dilakukan menggunakan kad kredit, merupakan sejenis pinjaman wang daripada pihak bank yang menawarkan kad kredit tersebut. Sebelum anda memohon kad kredit, pihak bank akan menyemak laporan kredit anda terlebih dahulu. Kemudian, pihak bank akan menentukan tahap kredit dan juga terma syarat bayaran balik untuk kad kredit anda.

Laporan kredit ialah rekod yang memaparkan semua kredit yang telah anda gunakan, termasuk semua pinjaman, kad kredit dan khidmat overdraf. Selain itu, laporan kredit juga akan memaparkan maklumat tentang corak bayaran untuk bil telefon serta internet anda. Sekiranya anda mempunyai corak pembayaran yang baik, pihak bank biasanya akan menawarkan anda had perbelanjaan yang lebih tinggi dan pada kadar faedah yang rendah.

Setiap akhir bulan, anda akan menerima bil daripada pihak bank, yang menunjukkan semua perbelanjaan yang telah anda lakukan menggunakan kad kredit tersebut serta jumlah wang yang anda perlu bayar kepada bank. Bil tersebut juga akan menyatakan tarikh akhir pembayaran serta kadar minimum pembayaran yang anda perlu lakukan.

Bagaimana untuk mengetahui had perbelanjaan kad kredit saya?

Sekiranya permohonan kad kredit anda diluluskan, pihak bank akan menyediakan butiran akaun, termasuk had perbelanjaan. Had perbelanjaan tersebut merupakan jumlah maksimum yang anda boleh belanja menggunakan kad kredit tersebut. Dalam erti kata lain, ia juga bermaksud jumlah yang anda boleh

pinjam daripada pihak bank. Peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia menyatakan bahawa, had perbelanjaan maksimum bagi semua pemegang kad kredit bergaji kurang dari RM3,000 sebulan tidak boleh melebihi dua kali ganda gaji bulanan mereka.

Apa itu kadar faedah kad kredit?

Kadar faedah bagi kad kredit di Malaysia adalah dalam lingkungan 8% hingga 18%. Kadar faedah akan dikenakan terhadap perbelanjaan, khidmat pemindahan baki dan khidmat pengeluaran wang yang dilakukan menggunakan kad kredit tersebut. Biasanya, kadar faedah yang dikenakan berbeza-beza antara kategori perkhidmatan. Sebagai contoh, pemindahan baki biasanya mengenakan kadar faedah lebih rendah berbanding khidmat pengeluaran wang menggunakan kad kredit yang mengenakan kadar faedah lebih tinggi.

Nota: Kadar faedah untuk kad kredit boleh berubah, dan anda mungkin tidak sedar terhadap perubahan kadar faedah yang dikenakan. Oleh itu, anda perlu meneliti penyata bulanan kad kredit yang anda terima supaya anda mengetahui berapa kadar faedah yang dikenakan terhadap kad kredit anda.



Bagaimana caj faedah akan dikenakan atas kad kredit saya?

Kadar faedah bagi kad kredit di Malaysia berbeza-beza bagi setiap individu. Kebiasaannya, anda boleh mendapatkan kadar faedah yang lebih rendah sekiranya anda mempunyai laporan kredit yang baik. Faedah yang dikenakan untuk kad kredit biasanya terhadap tunggakan bayaran. Jadi anda disyorkan untuk membayar jumlah penuh pada setiap akhir bulan. Sekiranya anda tidak mampu untuk membuat pembayaran penuh, elakkan daripada hanya membayar pada kadar minimum. Jika anda hanya membuat pembayaran minimum, jumlah kadar faedah yang perlu dibayar akan terus terkumpul dan berganda. Akibatnya, tempoh yang lebih panjang akan diambil untuk membayar hutang tersebut.

Bagaimana saya boleh mengurangkan kadar faedah kad kredit saya?

Kadar faedah biasanya ditentukan bergantung kepada corak pembayaran seorang pemegang kad kredit tersebut, dan kadar faedah kad kredit akan diselaraskan oleh pihak bank. Ini juga dikenali sebagai kadar faedah bertingkat, yang bermaksud lebih baik corak pembayaran anda, maka lebih rendah kadar faedah yang akan dikenakan terhadap kad kredit anda. Polisi ini telah ditentukan oleh pihak Bank Negara Malaysia pada tahun 2011 untuk menggalakkan pemegang kad kredit melakukan pembayaran tepat pada masanya.

Jadi, sekiranya anda ingin menikmati kadar faedah yang lebih rendah, anda digalakkan untuk membuat pembayaran penuh setiap bulan, atau membuat pembayaran jumlah minimum sebelum tarikh terakhir yang tertera pada penyata bulanan kad kredit. Anda hendaklah melakukan ini untuk setiap bulan selama 12 bulan, ataupun untuk sekurang-kurangnya 10 atau 11 bulan dalam masa setahun.

Adakah situasi yang saya tidak dikenakan kadar faedah?

Kebanyakan pihak bank menawarkan kemudahan 20 hari tempoh tanpa faedah. Tempoh tanpa faedah ini biasanya hanya untuk perbelanjaan runcit. Kemudahan ini hanya akan diberi sekiranya anda telah membuat pembayaran penuh sebelum tarikh terakhir dari bulan sebelumnya.

Apa Itu Kad Prabayar?



Kad prabayar merupakan kad yang digunakan untuk membuat pembelian, sama seperti penggunaan kad kredit di Malaysia. Tetapi, bezanya ialah, anda hanya boleh melakukan pembayaran tertakluk kepada jumlah wang yang terdapat di dalam akaun anda. Kelebihan

terbesar untuk kad prabayar ialah tiada kadar gaji minimum atau kadar had umur (untuk kebanyakan kad prabayar). Oleh kerana itu, ia menyediakan kadar pembayaran mudah dan selamat bagi golongan remaja.
Contoh: Ambank NexG Prepaid (AmBank) dan AEON Prepaid Mastercard (AEON)

Apa Itu Kad Caj?

Kad caj menyediakan kemudahan yang lebih kurang sama seperti kad kredit. Namun, perbezaan antara kad caj dan kad kredit ialah, anda perlu membuat pembayaran penuh bagi kad caj pada setiap hujung bulan.



Bagi kad kredit, anda tidak akan dikenakan caj walaupun anda tidak membuat pembayaran penuh; asalkan anda melangsaikan bayaran minimum yang dikenakan. Untuk kad caj pula, anda akan dikenakan caj lewat sekiranya anda tidak membuat bayaran penuh pada setiap hujung bulan.
Contoh: Charge Card-I (Al-Rajhi Bank) dan American Express Card (Maybank)

Apa Itu Kad Tambahan?

Sebagai pemegang kad kredit utama, anda boleh memberikan kad tambahan, contohnya kepada pasangan anda atau anak-anak yang berumur 18 tahun ke atas. Tiada gaji minimum bagi pemegang kad tambahan, tetapi pemegang kad tambahan perlu berumur sekurang-kurangnya 18 tahun ke atas. Semua transaksi pembayaran yang dilakukan dengan kad tambahan akan dicaj kepada pemegang kad utama.

Apakah Kriteria Untuk Memohon Kad Kredit Di Malaysia?

Berikut adalah kriteria untuk memohon kad kredit:

- **Pendapatan**:
  Semenjak tahun 2011, Bank Negara Malaysia telah menetapkan bahawa pendapatan bulanan minimum untuk memohon kad kredit ialah RM2,000. Kad kredit yang menawarkan had kredit yang lebih tinggi akan meletakkan syarat pendapatan bulanan yang lebih tinggi.
- **Umur:**
  Had umur minimum untuk memohon kad kredit ialah 21 tahun, sementara individu yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun layak menjadi pemegang kad tambahan. Namun, beberapa kad kredit mempunyai kriteria had umur yang lebih tinggi kerana kad tersebut menawarkan lebih ganjaran yang sesuai untuk golongan dewasa dan bekerjaya.

Apakah Yuran Dan Caj Yang Akan Dikenakan Pada Kad Kredit Saya?

Selain kadar faedah, terdapat yuran dan caj lain yang anda perlu bayar untuk menggunakan kad kredit. Sekiranya anda tidak menyedari tentang caj tambahan tersebut, ia boleh menyebabkan anda mengumpul hutang dan anda akan dikenakan kadar faedah yang lebih tinggi. Pastikan anda bertanya tentang sebarang caj pengecualian sebelum anda memohon kad kredit.

Terdapat kad kredit yang diiklankan sebagai tiada kadar faedah, tetapi ingat bahawa kebiasaannya tempoh tiada kadar faedah itu bukan untuk selama-lamanya. Jadi pastikan anda membaca terma dan syarat untuk kad tersebut. Selain itu, caj-caj lain untuk kad kredit ialah seperti berikut:

- Yuran tahunan
- Pemindahan Baki
- Caj penggantian kad
- Caj pendahuluan wang tunai
- Yuran urus niaga luar negara dan pertukaran mata wang
- Caj bayaran lewat
- Caj lebih had perbelanjaan
- Cukai perkhidmatan
- Caj untuk penyata
- Caj untuk kad tambahan

Sebelum anda membuat sebarang pembayaran atau melanggan untuk sebarang perkhidmatan, anda harus ingat bahawa kebiasaannya anda akan dikenakan caj yang tertera pada terma dan syarat. Bagi mendapatkan kad kredit yang terbaik, anda perlu mengetahui tentang semua caj dan yuran.

Nantikan bahagian kedua kepada panduan ini untuk maklumat seterusnya!

Sumber: www.comparehero.my

Tip Pengurangan Premium Insurans / Sumbangan Takaful Kereta Anda



Insurans / Takaful kereta merupakan perbelanjaan terbesar yang perlu ditanggung oleh pemilik kereta. Sekiranya anda ingin memperbaharui cukai jalan, anda perlu memperbaharui polisi insurans / takaful kereta terlebih dahulu. Kebanyakan pemilik kereta akan membayar premium insurans / sumbangan takaful kereta dalam tempoh setahun. Hal ini menyebabkan ramai pemilik kereta telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar dalam tempoh yang singkat.

Oleh itu, berikut adalah beberapa langkah yang boleh digunakan bagi mengurangkan kos polisi insurans / takaful kereta anda.



"... anda boleh mempertimbang untuk membeli kereta terpakai dengan premium insurans / sumbangan takaful kenderaan yang anda mampu bayar."

1. Berhati-hati apabila memilih kenderaan

Apabila anda membeli kereta berjenama baru dan mewah, ia juga bermaksud kos bagi menginsuranskan kereta tersebut adalah mahal. Namun begitu, anda boleh mempertimbang untuk membeli kereta terpakai dengan premium insurans / sumbangan takaful kereta yang anda mampu bayar.

2. Berhati-hati sekiranya jumlah perlindungan insurans / takaful kereta anda terkurang atau terlebih

Insurans / Takaful kereta boleh menjadi satu perkara yang mengelirukan. Kebanyakan orang hanya menyerahkan kepada ejen insurans / takaful semata-mata untuk mendapatkan insurans / takaful kereta. Walau bagaimanapun, adakah anda tahu bahawa anda boleh melaraskan jumlah yang diinsuranskan berdasarkan baki pinjaman dan nilai pasaran kereta anda? Jika anda ingin mengurangkan premium insurans / sumbangan takaful kereta anda, maka anda boleh mengurangkan jumlah diinsuranskan untuk menampung baki pinjaman.

Walau bagaimanapun, anda perlu ingat bahawa premium / sumbangan yang rendah tidak semestinya

baik. Tindakan mengurangkan jumlah diinsuranskan yang keterlaluan, bukanlah keputusan yang paling bijak.

Terkurang insurans – sekiranya anda menginsuranskan kenderaan anda pada nilai yang lebih rendah daripada nilai pasaran, anda akan dianggap menginsuranskan sendiri perbezaan nilai tersebut. Ini bermaksud, jika berlaku kerugian / kerosakan, anda akan hanya dibayar sebahagian ganti rugi (setakat bahagian yang diinsuranskan) oleh syarikat insurans / takaful anda.

3. Tidak membuat perlindungan yang tidak penting

Tiada siapa yang boleh meramalkan bila musibah dan kemalangan akan berlaku. Walau bagaimanapun, anda boleh memilih untuk menggugurkan perlindungan yang tidak perlu, seperti perlindungan perlanggaran jika anda memandu kereta yang berusia lebih 10 tahun, atau perlindungan aksesori kereta.

Walaupun memiliki insurans / takaful kereta adalah wajib, tetapi anda perlu memilih polisi insurans / takaful yang terbaik untuk kereta anda pada kos yang paling rendah.



"Walaupun memiliki insurans / takaful kereta adalah wajib, tetapi anda perlu memilih polisi insurans / takaful yang terbaik untuk kereta anda pada kos yang paling rendah."



"Anda juga boleh memilih untuk memindahkan NCD anda daripada satu kereta kepada kereta yang lain dengan syarat, anda adalah pemilik bagi kedua-dua kereta tersebut."

4. Pastikan kereta anda tidak mengalami kemalangan

Jika anda seorang pemandu yang berhemah dan tidak pernah mengalami kemalangan dengan kereta anda, maka anda layak untuk menikmati Diskaun Tiada Tuntutan (NCD) sehingga 55% daripada premium / sumbangan polisi anda. Ia bertujuan sebagai insentif kepada anda kerana memandu secara selamat.

5. Pindahan NCD ke kenderaan lain

Anda juga boleh memilih untuk memindahkan NCD anda daripada satu kereta kepada kereta yang lain dengan syarat, anda adalah pemilik bagi kedua-dua kereta tersebut.

Misalnya, anda mempunyai sebuah kereta kancil (NCD 55%), kemudian anda membeli sebuah lagi kereta berjenama baru (NCD 0%). Untuk menjimatkan kos insurans / takaful kereta baru tersebut, anda boleh memindahkan NCD kereta kancil kepada kereta berjenama baru.

Sumber Olahan dari petikan artikel www. imoney.com



Ruangan Bersama NCCC

Hak Pembeli Melalui Jualan Kredit

Memang menjadi kebiasaan pada masa ini pengguna membeli barangan secara kredit atau ansuran. Biasanya ia membabitkan barangan yang berharga ratusan atau ribuan ringgit. Dengan wujudnya perniagaan yang menawarkan kemudahan ini, ramai pengguna yang mampu memiliki barangan, seperti perabot, barang elektrik, kenderaan dan sebagainya, yang dibayar secara ansuran. Malah, wujud syarikat yang khusus menawarkan perkhidmatan untuk memudahkan pengguna membeli barangan secara kredit.

Dari segi perundangan, perniagaan yang menawarkan perkhidmatan jualan secara kredit atau ansuran tertakluk di bawah Akta Sewa Beli 1967 (Pindaan 2010). Namun, ada juga perniagaan yang tidak dikawal selia oleh akta ini, seperti skim bayaran mudah, fleksi kredit dan sebagainya.

Aduan Jualan Kredit

Sejak kebelakangan ini, timbul banyak isu berkaitan syarikat yang menyediakan perkhidmatan jualan secara kredit. Antaranya, wujud kegiatan mengugut dan mengancam pengguna yang gagal menjelaskan tunggakan ansuran bulanan.

Berdasarkan aduan yang diterima oleh Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC), iaitu bahagian aduan FOMCA, pengadu dihubungi oleh pihak syarikat yang mendakwa pengadu masih mempunyai tunggakan bayaran ansuran perabot. Walhal, bayaran perabot itu sudah dilangsaikan beberapa tahun lalu. Begitu juga, tindakan syarikat menggunakan khidmat pemungut hutang yang bertindak mengugut pengadu jika tidak menjelaskan bayaran.

Tindakan ugutan dilakukan oleh pemungut hutang ini perlu dipandang serius. Tindakan ini tidak sewajarnya dilakukan. Syarikat seharusnya perlu bertanggungjawab mengemas kini pembayaran pengguna supaya kesilapan maklumat tidak berlaku.

Kebanyakan pengguna tidak menyedari bahawa mereka perlu mendapatkan surat pelepasan daripada syarikat berkaitan apabila pembayaran telah selesai dibuat. Mereka tidak boleh menganggap pengesahan secara lisan oleh syarikat itu adalah keputusan akhir untuk ansuran yang diambil oleh mereka. Surat pelepasan boleh dijadikan sebagai bukti bahawa pengguna sudah melangsaikan bayaran ansuran dari syarikat terbabit.

Tidak dinafikan, ramai pengguna memerlukan skim bayaran ansuran bagi mengurangkan beban kewangan mereka. Pengguna juga perlu mengesahkan caj faedah sebelum menandatangani sebarang perjanjian dan membandingkan penawaran faedah dengan syarikat lain. Hal itu disebabkan bayaran ansuran mungkin

“ Hal itu disebabkan bayaran ansuran mungkin kelihatan mudah untuk dibayar, tetapi sebaliknya ia menyebabkan anda terpaksa membayar dua kali ganda daripada harga asal disebabkan oleh kadar faedah dan caj lain.”



kelihatan mudah untuk dibayar, tetapi sebaliknya ia menyebabkan anda terpaksa membayar dua kali ganda daripada harga asal disebabkan oleh kadar faedah dan caj lain.

Peraturan Lindungi Pengguna

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Jualan Kredit) 2012 pada 1 Oktober 2012. Peraturan ini bertujuan untuk melindungi pengguna yang membuat urus niaga secara kredit atau ansuran. Peraturan ini mewajibkan penjual dan pemberi kemudahan kredit untuk memaklumkan kepada pengguna secara lisan dan bertulis mengenai beberapa maklumat penting sebelum urus niaga secara kredit dilaksanakan, seperti kadar faedah dikenakan, harga barangan termasuk faedah, caj sampingan, caj bayaran lewat dan formula pengiraannya.

Selain itu, peraturan ini juga menetapkan beberapa perkara seperti berikut:

- Tidak membenarkan penjual atau pemberi kemudahan kredit mengenakan lebih daripada satu fi pemprosesan dokumen bagi pembelian melebihi satu barangan dengan satu transaksi;
- Kadar faedah tidak boleh diubah selepas perjanjian jualan kredit ditandatangani;
- Pengguna tidak boleh dikenakan sebarang bentuk fi jika permohonan kredit tidak diluluskan; dan
- Pengguna tidak boleh dikenakan penalti jika membuat penyelesaian awal pembayaran.

Namun, jumlah kadar faedah ditawarkan syarikat tidak dikawal oleh mana-mana badan atau agensi. Terdapat aduan mengenai kadar faedah yang diberikan oleh syarikat agak tinggi. Oleh itu, pengguna perlu bijak membuat perbandingan harga dan caj kadar faedah ditawarkan.

Pengguna boleh membuat aduan sekiranya ada syarikat yang tidak mematuhi peraturan ini kepada KPDNKK dengan menghubungi nombor hotline 1800 886 800, melalui laman sesawang, *http://e-aduan.kpdnkk.gov.my* atau memfailkan tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Kad kredit anda telah dipalsukan...

Seseorang telah mencuri identiti anda...

Akaun anda telah disalah guna...

Berwaspada!

Jangan menjadi mangsa **PENIPUAN.**

Berhati-hati dengan panggilan dan mesej palsu daripada mereka yang mendakwa sebagai pegawai Bank Negara Malaysia, bank swasta, penyedia utiliti atau agensi penguatkuasaan.

Ini satu PENIPUAN. Jangan panik. Fikir dahulu.

1. Bank Negara Malaysia **tidak pernah meminta** maklumat peribadi atau maklumat kewangan anda
2. Bank Negara Malaysia **tidak pernah meminta** sesiapa pun memindahkan wang ke dalam akaun pihak ketiga
3. Bank Negara Malaysia **tidak menyimpan** wang orang ramai dalam mana-mana akaun

Jika ada keraguan, sila hubungi

BNMTELELINK (Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan)

1-300-88-5465

Faks: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Untuk menghantar pertanyaan atau aduan melalui SMS, taip **BNM TANYA [pertanyaan/ aduan anda]** dan hantar kepada **15888**

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Amaran Penipuan Kewangan** yang terdapat di laman sesawang Bank Negara Malaysia
www.bnm.gov.my

BNMLINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan)
Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480) atau kunjungi mana-mana cawangan BNMLINK di Bank Negara Malaysia: Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching
(Waktu urusan: Isnin - Jumaat, 9:00 pagi - 5:00 petang)

Bank Negara Malaysia
Talian Tol : **1-300-88-5465**
E-mel : **bnmtelelink@bnm.gov.my**
Laman sesawang : **www.bnm.gov.my**

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : **1-300-88-9980**
E-mel : **banks@abm.org.my**
Laman sesawang : **www.abm.org.my**

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : **1-800-88-2575**
E-mel : **enquiry@akpk.org.my**
Laman sesawang : **www.akpk.org.my**

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : **03-2272 2811**
E-mel : **enquiry@fmb.org.my**
Laman sesawang : **www.fmb.org.my**

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada
ringgit@crrc.org.my

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Memperkenalkan siri aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia

Ke arah pengguna kewangan yang lebih bijak



Membuat keputusan kewangan bukannya mudah, sama ada anda pelajar, suri rumah, ahli perniagaan atau pekerja. Dengan aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia ini, anda bukan sahaja boleh mendapatkan perkembangan dan maklumat terkini hal-hal kewangan, tetapi juga menggunakan aplikasi untuk merancang dan menguruskan kewangan anda dengan mudah serta menggunakan hak anda sebagai pengguna kewangan.

MyBNM

Dapatkan maklumat dan pengumuman terkini mengenai hal-hal kewangan di dalam negeri dan peringkat global serta amaran penting kepada pengguna berhubung dengan penipuan kewangan.

BNM MyLINK

Saluran berkesan yang menghubungkan pengguna dengan institusi kewangan di Malaysia untuk mengemukakan pertanyaan, mendapatkan nasihat dan membuat aduan.

MyTabung

Aplikasi pemantau belanjawan untuk merancang dan menguruskan kewangan peribadi anda atau isi rumah secara berhemat untuk mencapai matlamat kewangan.

MyRinggit

Ketahui ciri-ciri keselamatan penting dan teknik untuk membezakan wang kertas Malaysia yang asli dengan yang palsu.

Tunggu apa lagi? Dapatkan dan muat turun siri aplikasi mudah alih Bank Negara Malaysia ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris secara PERCUMA.

Download on the App Store

ANDROID APP ON Google play